

# Harian METRO

TARIKH	16 / 10 / 2014	SEKSYEN	Setempat
MUKA SURAT	16	RUANGAN	

## Kuantan

### 2 lagi jemaah haji Malaysia meninggal

Dua lagi kematian mem-babitkan jemaah haji Malaysia direkodkan, semalam, menjadikan jumlah keseluruhan 18 orang bagi musim haji tahun ini.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH) Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, seorang daripada jemaah berkenaan adalah lelaki berasal dari Sungai Buloh, Selangor, yang meninggal dunia akibat sakit jantung, pagi semalam.

Katanya, pusat maklumat TH yang beroperasi di Hotel Janadiriya, Makkah, sudah menyalurkan maklumat berhubung kematian jemaah haji berkenaan kepada waris mereka di tanah air.

"Semua urusan pengebumian dikendalikan oleh TH dan bagi yang meninggal dunia di Makkah, jenazah akan dikuburkan di Tanah Perkuburan Maala atau Al Syarayek," katanya.